
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

PPG 314 - KAEDAH MENGAJAR BAHASA MALAYSIA II

Masa : 2 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

ARAHAN :

Jawab **TIGA (3)** soalan. Jawab **SOALAN NO. 1 (WAJIB)** dan **DUA (2)** soalan lain.

Jawab **SOALAN NO. 1 (WAJIB)**.

1. Anda akan mengajarkan kemahiran lisan bertajuk “Modal Insan Menjana Generasi Cemerlang” untuk kelas tingkatan empat mengikut maklumat yang berikut:

Hasil Pembelajaran Utama:

- (a) 2.0 Memberikan pendapat yang bernas sebagai sumbangan dalam perbincangan.
- (b) 7.0 Mendapat maklumat daripada pelbagai sumber yang ditonton.

Hasil Pembelajaran Khusus:

- a) 2.2 Menghuraikan idea yang bernas secara kritis dan kreatif.
- b) 7.1 Mengenal pasti dan menyatakan gambaran keseluruhan, idea utama, isi penting, dan isi relevan tentang bahan yang ditonton.

Huraian Hasil Pembelajaran:

- a) Aras 1: - iv) Mendengar pendapat yang dikemukakan untuk memberi respons yang sesuai.
- b) Aras 2: - iii) Membandingkan pernyataan fakta dan pandangan untuk mendapatkan maklumat yang tepat tentang sesuatu perkara dan isu.

Berdasarkan maklumat di atas, sediakan sebuah persediaan mengajar harian yang lengkap bagi pelajaran selama 80 minit dengan menerapkan salah satu **kemahiran bernilai tambah** yang sesuai.

(40 markah)

Pilih **DUA (2)** soalan sahaja.

2. Pengetahuan tentang jenis dan struktur teks dapat membantu pelajar menjadi pembaca yang cekap dan penulis yang mahir.

- a) Terangkan cara pembaca yang cekap menggunakan strategi metakognitif untuk memahami **DUA (2)** jenis teks yang dibaca.

(15 markah)

- b) Huraikan cara penulis yang mahir menggunakan pengetahuannya tentang struktur sesebuah teks untuk menghasilkan karangan dengan menggunakan pengetahuan tersebut.

(15 markah)

3. Pengajaran komponen sastera (komsas) perlu menarik dan berkesan.
- (a) Huraikan **TIGA (3)** pendekatan pengajaran yang harus dimanfaatkan oleh guru dalam pengajaran komsas. (15 markah)
 - (b) Terangkan cara anda melaksanakan **SATU (1)** teknik drama dalam pengajaran komsas untuk meningkatkan aspek penghayatan pelajar. (15 markah)
4. Panitia mata pelajaran di setiap sekolah bertanggungjawab merancang, melaksana dan memantau program masing-masing.
- (a) Nyatakan **LIMA (5)** tanggungjawab Panitia Bahasa Malaysia sekolah menengah. (15 markah)
 - (b) Kemukakan **LIMA (5)** cadangan yang dapat dilakukan oleh Panitia Bahasa Malaysia bagi meningkatkan mutu pengajaran dan penghayatan bahasa di sekolah. (15 markah)
5. Pengajaran Bahasa Malaysia kepada pelajar tingkatan enam perlu menggunakan strategi yang sesuai dengan pembelajaran orang dewasa.
- (a) Huraikan **LIMA (5)** prinsip pembelajaran orang dewasa. (15 markah)
 - (b) Berdasarkan satu tajuk yang sesuai, nyatakan **LIMA (5)** langkah pembelajaran berasaskan masalah. (15 markah)